



Unit Dewan Undangan Negeri Pahang,
Tkt 1, Blok A, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan.
T: 09-512 6625 / F: 09-516 1443
E: dun@pahang.gov.my
W: <http://www.pahang.gov.my>

MESYUARAT KEDUA PENGKAL KE-5 DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG KE-13



PENYATA RASMI

**TARIKH : 14 OGOS 2017
(ISNIN)**

A decorative border featuring stylized black floral and leaf motifs surrounding a central white rectangular area.

**MESYUARAT KE-2
PENGGAJ KE-5
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG
YANG KE-13**

14 OGOS 2017



KANDUNGAN

14 OGOS 2017 (ISNIN)

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT (MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KELIMA DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG YANG KETIGA BELAS)	1
4	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	2
5	KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANG	22
6	RANG UNDANG-UNDANG	
	i) RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN TAMBAHAN (1/2017) 2017	
	BACAAN KALI PERTAMA	22
	BACAAN KALI KEDUA	23
	DALAM JAWATANKUASA	24
	BACAAN KALI KETIGA	27
	ii) RANG UNDANG-UNDANG LAMBANG, GELARAN ATAU ANUGERAH (MENCEGAH PENGGUNAAN TIDAK WAJAR) PAHANG 2017	
	BACAAN KALI PERTAMA	28
	BACAAN KALI KEDUA	29
	DALAM JAWATANKUASA	30
	BACAAN KALI KETIGA	32
7	USUL	33
8	PENANGGUHAN	34





**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG YANG KETIGA BELAS
DI DEWAN PERUNDANGAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.**

Hari Pertama : 14 Ogos 2017 (Isnin)

Masa : 9.00 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak Bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob,
SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.

- **Pelangai**

Pengerusi Jawatankuasa:

**Jawatankuasa Hal Ehwal Ugama Islam dan Pelajaran Negeri
Jawatankuasa Pelaburan dan Perindustrian Negeri
Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli dan Kebajikan Masyarakat
Jawatankuasa Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri**

Pengerusi Jawatankuasa Khas:

**Jawatankuasa Khas Perancangan, Kewangan, Tanah, Perhutanan dan Sistem
Penyampaian Awam Negeri
Jawatankuasa Khas Perpaduan**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri

- **Lanchang**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.

(Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri)

- **Benta**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail,
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Negeri

- **Jelai**

Yang Berhormat Dato' Haji Shafik Fauzan bin Sharif,
DSAP., DIMP., AMP.

**Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan
Industri Asas Tani Negeri**

- **Inderapura**



Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT. Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri	- Dong
Yang Berhormat Dato' Abu Bakar bin Haji Harun, DIMP., SMP. Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA Negeri	- Chini
Yang Berhormat Dato' Mohd. Johari bin Hussain, DIMP., PPA. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri	- Tioman
Yang Berhormat Dato' Norol Azali bin Sulaiman, DIMP. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Negeri	- Guai
Yang Berhormat Dato' Hajah Shahaniza binti Shamsuddin, DIMP., AMP., BCM. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multi Media Negeri	- Kuala Sentul
Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad, DIMP., AMP., AMN. Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-tugas Khas Negeri	- Kerdau
Yang Berhormat Dato' Sri Maznah Binti Mazlan, SSAP., DSAP., DIMP., KMN., PKT.	- Muadzam Shah
Yang Berhormat Dato' Indera Fong Koong Fuee, SIMP., DSAP., DIMP., SMP., PJK.	- Cheka
Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Shukri bin Haji Ismail, DSAP., DIMP.	- Pulau Tawar
Yang Berhormat Dato' Lau Lee, DIMP.	- Damak
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. (Timbalan Yang di-Pertua Dewan)	- Jenderak
Yang Berhormat Dato' Md. Sohaimi bin Mohamed Shah, DIMP., AMP.	- Sungai Lembing
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	- Batu Talam
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP.	- Pulau Manis



Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman, DIMP., SMP.	- Kemayan
Yang Berhormat Dato' Mohd. Shohaimi bin Jusoh, DIMP., JSN., PPN.	- Lepar
Yang Berhormat Dato' Mohd. Zaili bin Besar, DIMP.	- Panching
Yang Berhormat Dato' Sri Wan Amizan bin Wan Abdul Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.	- Tahan
Yang Berhormat Dato' Haji Mohamed Arifin Bin Awang Ismail, DIMP., AAP., BCM., PKT., PJK.	- Chenor
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin Bin Mohd. Ariff, DIMP., AMN., AMP., PKT.	- Bebar
Yang Berhormat Dato' Mustapa Bin Long, DIMP.	- Padang Tengku
Yang Berhormat Puan Nur Hidayah Binti Dato' Haji Mohamad Shahaimi	- Luit
Yang Berhormat Dato' Sri Sh. Mohmed Puzi Bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	- Peramu Jaya
Yang Berhormat Dato' Wan Kadri Bin Wan Mahusain, DIMP., AAP., AMP., PJK.	- Bukit Ibam
Yang Berhormat Encik Leong Ngah Ngah	- Tanah Rata
Yang Berhormat Encik Choong Siew Onn	- Tras
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli Bin Jabar	- Tanjung Lumpur
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura Bin Rabu	- Beserah
Yang Berhormat Mulia Tengku Zulpuri Shah Bin Raja Puji	- Mentakab
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	- Ketari
Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui	- Bilut
Yang Berhormat Puan Kamachi a/p A. Doray Rajoo	- Sabai
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	- Triang
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	- Semambu
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	- Teruntum
Yang Berhormat Tuan Syed Hamid bin Syed Mohamad	- Kuala Semantan



**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II
PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:**

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Muhammad Safian Bin Ismail,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Haji Mohamad Roslan Bin Harun,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Haji Shamsulbahri Bin Haji Ibrahim, DSAP., AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Wan Salman bin Wan Ismail,
DIMP., SMP., PPN., BCM.

- **Jengka**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya Bin Syed Abdul Rahman, AAP.





SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Ketiga Belas di Dewan Perundangan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari Pertama (Isnin) : 14 Ogos 2017
Bersamaan : 21 Zulkaedah 1438 Hijriah
Masa : 9.30 pagi

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan dalam Bahasa Arab]. Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir masalah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lam.

MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Mengesahkan Peringatan Mesyuarat.

Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang Ketiga Belas pada 12, 13, 17, 18, 19 dan 21 April 2017 di Dewan Perundangan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk mencadangkan Minit Mesyuarat Persidangan Dewan Undangan Negeri Pahang, Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang Ketiga Belas.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan minit mesyuarat persidangan yang telah lalu disahkan.



YB. DATO' INDERA FONG KOONG FUEE

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, soalnya ialah suatu cadangan bagi mengesahkan Peringatan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pahang yang Ketiga Belas pada 12, 13, 17, 18, dan 19 dan 21 April 2017 di Dewan Perundangan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan telah pun mendapat sokongan. Sekiranya tiada apa-apa pindaan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila nyatakan ya.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Peringatan Mesyuarat tersebut disahkan dengan tiada pindaan.

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Pertanyaan dan Jawapan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Segala puji bagi Allah S.W.T. Tuhan Semesta Alam, Selawat dan Salam kepada Nabi S.A.W dan Rasul Allah Yang Paling Mulia dan Agong Baginda Nabi Muhammad S.A.W, kaum keluarga serta seluruh para sahabatnya.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur kehadiran Allah S.W.T dengan izin-Nya kita semua dapat menghadiri Mesyuarat Kedua Penggal Kelima di Dewan Undangan Negeri Pahang Yang Ketiga Belas pada pagi yang permai ini.

Saya kelihatan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam keadaan yang sihat sejahtera, ceria dan segar walaupun mempunyai aturan tugas yang ketat namun tetap bersemangat dan memikul amanah untuk berkhidmat kepada rakyat. Baiklah, untuk meneruskan urusan mesyuarat kita pada pagi ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada Jengka untuk mengemukakan pertanyaan.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya kemukakan soalan nombor satu.



[Apakah telah dikeluarkan garis panduan dan penyelesaian dasar yang adil dan saksama membabitkan pemandu teksi dan perkhidmatan pemandu kereta Uber dan GrabCar di Malaysia. Apakah Pahang juga menerima impak yang sama sejak kewujudan perkhidmatan aplikasi Uber dan GrabCar ini?]

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Soalan ini mengenai Uber dan GrabCar di Malaysia. Jawapan disediakan sangat panjang. Kalau saya baca ni mungkin kalau kata sampai subuh esok tak habis, tu mungkin lah *over statement* kata orang putih ni. Tapi setengah jam tak kurang lah.

Jawapan saya begini sahajalah. Melalui inisiatif baru yang akan dirangka oleh SPAD perkhidmatan pemandu kereta Uber, GrabCar di Malaysia ini akan diselaraskan. Tapi inisiatif ini dinamakan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) hanya akan dilaksanakan setelah pindaan kepada Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010 yang memberikan kuasa kepada SPAD untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* yang diluluskan. Pindaan Akta ini dijangka akan dibentangkan untuk kelulusan kerajaan dalam masa terdekat.

Berbagai-bagai komponen termasuk dalam TITP ini. Antara lain memanfaatkan penggunaan teknologi, aplikasi *e-hailing* meningkatkan pendapatan dan kebajikan pemandu teksi sedia ada, meningkatkan kualiti perkhidmatan pemandu teksi dan menyelaraskan kadar tambang dengan pembayaran secara kadar bermeter atau elektronik dengan menggunakan kadar tambang dinamik.

Pada keseluruhannya berdasarkan pemerhatian dan maklumat industri, perkhidmatan *e-hailing* telah menjejaskan permintaan terhadap perkhidmatan teksi. Pendapatan pemandu teksi telah berkurangan sebanyak 30% sejak perkhidmatan ini diperkenalkan di negara ini termasuk negeri Pahang khusus daerah Kuantan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Kita pergi pada soalan berikut, dijemput ADUN dari... Wakil dari Tras.

YB. ENCIK CHOONG SIEW ONN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mengemukakan pertanyaan nombor dua. Terima kasih.

[Permohonan untuk melanjutkan tempoh pajakan tanah kepada sembilan puluh sembilan (99) tahun sangat penting dan perlu disegerakan demi urusan pelbagai. Apakah perkembangan dan status dari pihak kerajaan Negeri?]

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Menteri Besar telah membuat janji bahawa tanah yang pajakan 60 tahun boleh dilanjutkan kepada 99 tahun. Ekoran dari itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Yang Ke 10/2012 pada 28.03.2012 yang lalu, 5 tahun yang lalu ya, telah meluluskan secara dasar pertukaran... penukaran tempoh pegangan 30 tahun, 60 tahun dan 66 tahun kepada 99 tahun bagi kegunaan bangunan kediaman, ianya diluluskan tanpa



dikenakan bayaran premium tambahan, *free... free of charge*. Carilah Kerajaan dalam dunia yang macam ni, tak ada dah. Ianya akan menjejaskan pendapatan Kerajaan, tetapi tak apa. Hanya saya berharap kalau Kerajaan kurang duit, janganlah jadi isu pulak. Antara sebab kurang duit, hah! ini lah dia... premium tak kutip dan sebagainya.

Pada setiap minggu, Majlis Mesyuarat Kerajaan meluluskan permohonan perlanjutan tempoh ini. Sehingga dari Januari 2013, sehingga Jun 2017 hanya sebanyak 1,193 permohonan. 1,200 permohonanlah, lebih kurang 1,193. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kalau ada Ahli-ahli sebelah sana, pembangkang, kalau kaki nombor belillah 1,193. [Ahli Dewan ketawa]. Dari semasa ke semasa insya-Allah Kerajaan akan mempertimbangkan, tetapi inisiatif mesti datang daripada err... tuan tanah. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon kemukakan soalan tambahan. Saya ingin semak dengan Kerajaan Negeri apakah faktor yang perlu diambil kira dalam proses memberi kelulusan kepada lanjutan tempoh pajakan tanah ini. Sebab banyak permohonan yang dihantar pada tahun 2012 dan masih tunggu kelulusan sampai sekarang.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tak ada faktor-faktornya. Tuan punya tanah pergi Pejabat Tanah isi borang berkenaan dan bawa ke pihak apa ni, Pentadbir Tanah Daerah. Pentadbir Tanah Daerah akan bawa kepada pihak MMK. Kalau lambat sikit tu biasalah, sebab permohonan ni banyak dan setiap kali kita bermesyuarat, Majlis Mesyuarat Kerajaan bukan... saya ingat lebih kurang 10 kilo lah berat kertas ni. Bukannya sikit tetapi proses tu jalankan. Insya-Allah. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Damak.

YB. DATO' LAU LEE

Soalan tambahan. Saya difahamkan satu garis panduan permohonan perlanjutan tempoh pajakan hakmilik yang berstatus Pajakan Negeri dan Pajakan Mukim telah dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutan. Tujuan untuk:

- (i) Mempermudahkan prosedur permohonan.
- (ii) Untuk menjaga kepentingan tuan punya tanah asal dan juga pihak-pihak yang memegang gadaian dan sebagainya.



Soalan saya, adakah pihak Kerajaan Negeri Pahang telah menerima dan *endorse* garis panduan tersebut err... untuk tujuan memberi kemudahan kepada mereka yang memohon perlanjutan tempoh pajakan tersebut.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Hari besok? Hari lusa? Masa kita mengadakan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan saya akan semak. Sebab minta maaf, saya pun baru terdengar, baru hari ini saya tahu ni. Patutnya Ahli dari Damak tu, berilah tahu MB kalau ada benda baru. Janganlah susah berkongsi. Minta peruntukan berkongsi dengan MB. Ada berita baru tak berkongsi langsung. Terima kasih. [Ahli Dewan ketawa]

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Mengikut Wakil Kerajaan yang bagi angka diluluskan adalah 1,193 dari 2013 sampai Jun 2017. Ini bermaknanya dalam empat tahun setengah ni, hanya 265 setahun diluluskan. Adakah... apakah cara Kerajaan akan meningkatkan permohonan ini diluluskan segera. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Salah satu sebab angka ni kecil ialah kerana, ramai tuan punya tanah tidak sedar akan perkara ini. Mereka tahu Kerajaan melanjutkan tempoh 33, 60, 66 ke 90 tetapi kebanyakan mereka tidak berapa sedar dan tidak memahami kaedah-kaedah. Ini kerja Wakil Rakyat. Kalau Triang, maknanya banyak *backlog*, banyak orang memohon tidak lulus lagi, makna Wakil dari Triang kena kerja kuat lagi. Begitulah seterusnya. Macam kawasan saya tak ada. Makna saya kerja kuat. Selesai semua. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah, saya jemput Wakil dari Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin kemukakan soalan tiga.

[Mengenai pembinaan rumah rehat Bera.

(a) Sejak bilakah projek pembinaan ini dilancar?

(b) Apakah perkembangan terkini projek pembinaan?



(c) Sila nyatakan jumlah kos yang dikeluarkan setakat Julai 2017.

(d) Bilakah ia dapat disiapkan dan diguna pakai?]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Kita tahu bahawa err... penginapan adalah merupakan satu perkara yang sangat penting di dalam pelancongan kerana angka kehadiran pelancong adalah dikira apabila seorang pelancong tersebut err... mereka bermalam di hotel ataupun di tempat penginapan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Menjawab soalan Wakil daripada Triang, projek di bawah Majlis Daerah Bera telah dilaksanakan bermula pada September 2016 dengan melantik *consultant* untuk menyediakan pelan struktur dan bangunan tersebut.

Status pelaksanaan projek ini mencapai 70% dan lewat dari jadual sebenar disebabkan kawasan tersebut berstruktur tanah mendap serta pelan struktur diubah semula sesuai mengikut tapak yang mendap.

Kos keseluruhan projek adalah RM487,000.00 dan kos yang dipohon untuk tuntutan bayaran pertama pada Julai 2017 adalah sebanyak RM32,445.00 sahaja.

Projek dimaklumkan jangkaan siap adalah pada Disember 2016. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek terganggu disebabkan masalah kawasan mendap yang saya maklumkan tadi, mengalami tanah, err... tapak mendap dan pihak *consultant* mengambil langkah, tindakan membuat pembetulan pelan struktur bangunan serta membaik pulih tapak mendap di kawasan rumah rehat tersebut.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon ulangi jawapan bagi soalan (a), iaitu sejak bilakah projek pembinaan ini dilancar?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

September 2016.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya telah membuat lawatan ke tapak pembinaan rumah rehat Bera pada tahun 2014, 2015 dan 2016, dan saya percaya bahawa sebenarnya projek ini telah dilancar awal, dan disebabkan masalah pembinaan ianya terbengkalai dan sampai sekarang belum siap lagi. Dan saya ingin tanya berapa kalikah Kerajaan telah tukar kontraktor dan bagi



kontraktor yang tidak dapat memenuhi permintaan perjanjian, apakah tindakan yang telah dikenakan kepada kontraktor-kontraktor tersebut.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya telah memaklumkan bahawa ianya adalah soal tapak. Kawasan tersebut, tanah tersebut, apabila dibina, tanah itu mendap. Maksudnya tanah itu tidak sesuai untuk dibuat bangunan kerana ia mendap. Kerajaan telah mengambil langkah iaitu untuk kita telah pun meminta supaya *consultant* kita, atau pakar runding kita, untuk mengkaji semula tempat tersebut. Dan apabila dikaji, maka kita terpaksa menukar pelan struktur bangunan tersebut. Itu adalah di antara perkara yang menyebabkan projek tersebut ianya lewat kerana soal tanah. Bukannya soal binaan, bukannya soal kontraktor. Dan saya telah maklumkan bahawa sejak err... sehingga Julai 2017 ya, kontraktor yang dilantik hanya membuat tuntutan bayaran sebanyak RM32,445.00 daripada RM487,000.00 peruntukan yang disediakan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat. Baiklah kita pergi kepada soalan berikut, saya jemput Wakil dari Bukit Ibam.

YB. DATO' WAN KADRI BIN WAN MAHUSIN

Dato' Sri Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan soalan nombor empat.

[Jalan Keratong-Bahau kini penggunaannya makin meningkat. Jalannya sempit dan sangat bahaya kepada pengguna. Laluan ini juga antara penyumbang besar kepada kemalangan maut yang tinggal di daerah Rompin.

Bilakah projek pembesaran Jalan Keratong-Bahau dapat dilaksanakan?]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Wakil daripada Bukit Ibam melibatkan err... jalan err... Keratong – Bahau iaitu dipanggil sebagai Laluan 11 yang menghubungkan daerah Rompin, Pahang dengan daerah Jempol, Negeri Sembilan. Jalan ini merupakan err... pintu masuk utama ke negeri Pahang dan Negeri Sembilan dan jaraknya lebih kurang dalam 30 kilometer.

Mengikut maklumat yang kita ada iaitu memang err... laluan ini agak padat dengan err... isi padu kenderaan yang tinggi dan untuk itu err... pihak Kerajaan telah memohon untuk menaik taraf ya, Laluan 11 daripada kategori ataupun err... *standard* sedia ada iaitu R3 kepada... ke piawaian ataupun *standard* JKR R5 dan telah pun dipohon dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan anggaran kos yang dipohon ialah RM437,800,000.00 namun setakat ini belum err... peruntukan belum diluluskan.

Dan antaranya ialah skop projek yang lain ya, yang akan dilaksanakan sekiranya diluluskan bagi mempertingkatkan err... keupayaan dan juga keberkesanan err... jalan ini ialah memperelok selekoh berbahaya, menyediakan lorong memotong dan mendaki serta menaik taraf persimpangan utama di laluan tersebut. Terima kasih.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan berikutnya saya jemput Wakil dari Bilut.

YB. ENCIK CHOW YU HUI

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor lima.

[Sila nyatakan pendapatan yang dikutip melalui penyewaan tapak kosong sebelah Perhentian Bas Bentong pada tahun 2015 dan 2016. Dan apa rancangan MPB pada masa depan berhubung dengan tapak tersebut.]

YB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN kawasan Bilut kerana bertanyakan soalan mengenai pendapatan penyewaan tapak kosong sebelah Perhentian Bas Bentong pada tahun 2015 dan 2016 serta bertanyakan apakah rancangan Majlis Perbandaran Bentong pada masa yang akan datang.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Bilut, pada tahun 2015 jumlah hasil yang dikutip ialah RM14,440.00 manakala bagi tahun 2016, RM19,757.00. Ada peningkatan sebanyak RM5,317.00. Manakala daripada segi perancangan, Majlis Perbandaran Bentong melalui mesyuarat penuhnya telah pun err... mengadakan beberapa perancangan supaya hentian ini dapat dijadikan err... lebih menarik kepada pengunjungnya, banyak cuma saya boleh nyatakan di sini ialah dua.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat daripada Bilut, perancangan ini telah dibuat sebelum soalan ini dikemukakan. Jadi janganlah Yang Berhormat Bilut balik ke kawasan mengatakan ke kawasan YB Bilut supaya perkara ini dibuat ya. Antaranya ialah mengadakan perancangan kawasan parking bersebelahan Hentian Raya Bentong untuk dijadikan kompleks perniagaan di mana... di mana Stesen Bas dan Stesen Teksi disekalikan.

Yang kedua ialah mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan seperti menyediakan *portable... portable cctv* di kawasan hentian tersebut. Dan ada lagilah empat, lima, enam perancangan yang dibuat oleh Majlis Perbandaran Bentong. Yang ini kita akan bagitau kemudian bila ianya telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya, tiada soalan tambahan, kita pergi kepada soalan berikutnya. Saya jemput Wakil daripada Peramu Jaya.

YB. DATO' SRI SH MOHAMED PUZI BIN SH ALI

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan nombor enam.

[Golongan nelayan adalah merupakan salah satu penyumbang kepada sumber protein negara melalui hasil penangkapan ikan terutamanya bagi nelayan pantai dan laut dalam. Malangnya sumber ikan negara telah dikaut oleh nelayan asing yang mencerooboh dan menjalankan aktiviti penangkapan ikan



secara haram terutamanya di Kuala Pahang dan Tanjung Agas di dalam kawasan DUN Peramu Jaya.

Apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak Kerajaan bagi membanteras aktiviti penangkapan ikan secara haram tersebut yang mengakibatkan hasil tangkapan nelayan merosot dan bubu nelayan telah musnah?]

YB. DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Sidang Dewan, penguatkuasaan di laut diletak di bawah sebuah agensi persekutuan yang mempunyai kuasa err... satu-satunya yang mempunyai kuasa dalam penguatkuasaan sama ada di laut pantai mahupun di laut dalam iaitu apa yang kita namakan sebagai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Menteri yang bertanggungjawab, Yang Berhormat Dato' Sri Shahidan Kassim.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Err... setakat tahun 2016, Pusat Operasi Wilayah Maritim Timur telah menerima sebanyak 12 aduan berkenaan pencerobohan kawasan di Kuala Pahang, yang mana bot nelayan tempatan Kelas C telah menceroboh kawasan bot nelayan Kelas A dan B. APMM tersebut telah pun mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya dan untuk makluman Sidang Dewan juga, APMM daerah Maritim 8 iaitu di Pahang ini err... sentiasa menugaskan 3 aset, dia ada 3 aset apa yang dinamakan sebagai BM Pengawal 15, BM KILAT 49, BM KILAT 50 yang tujuannya untuk membuat pemantauan di sekitar perairan Kuala Pahang. Bot-bot tersebut err... bermalam di kawasan Kuala Pahang setiap kali melaksanakan rondaan di kawasan tersebut.

Selain daripada itu, selain daripada bentuk pencegahan, kerjasama dengan Persatuan Nelayan juga telah dilakukan err... iaitu dalam bentuk *engagement* Persatuan Nelayan kawasan Kuala Pahang, Nenasi, Tanjung Gemok juga telah dibuat dialog, majlis ramah mesra untuk mengenal pasti masalah-masalah ataupun mendengar-mendengar aduan. Yang terbaharu err... agensi Maritim di Kuala Lumpur telah turun bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri di kawasan Pantai Sepat, juga dijemput sama Persatuan Nelayan Kuala Pahang. Dari sana telah diutarakan pelbagai cadangan, pendapat dan pandangan untuk bagaimana penguatkuasaan oleh APMM dapat dibentuk.

Dan untuk makluman Sidang Dewan juga err... segi statistik err... APMM daerah Maritim 8 telah membuat 702 pemeriksaan di seluruh negeri Pahang ni lah. Daripada jumlah tersebut 155 pemeriksaan dibuat di Kuala Pahang dan err... insya-Allah saya mendapat tahu bahawa peringkat persekutuan sedang mewujudkan satu sukarelawan APMM di kalangan nelayan-nelayan sendiri. Dan masih di peringkat err... apa ni... penggubalan-penggubalan, peraturan-peraturan tertentu untuk melibatkan sukarelawan-sukarelawan bagi membantu APMM membuat prosedur pencegahan dan rondaan di laut. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI SH MOHAMED PUZI BIN SH ALI

Soalan tambahan.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' SRI SH MOHAMED PUZI BIN SH ALI

Terima kasih Wakil Kerajaan yang telah menjelaskan secara panjang lebar tentang isu ini. Persoalannya ialah... sekarang ialah, yang terlibat ini ialah nelayan tempatan, yang kerosakan bubu dan sebagainya, dan yang menjalankan operasi penangkapan ikan ini difahamkan adalah daripada nelayan asing. Kita pun terima kasih jugalah kepada Kerajaan Pusat melalui Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia atau APMM yang telah bertungkus-lumus untuk membanteras kegiatan ini. Tetapi saya berpendapat bahawa usaha ini harus ditingkatkan. Saya ambil contoh data yang saya ada ini, mulai Januari 2017 hingga akhir Julai tahun ini, yang terlibat 24 nelayan di Kuala Pahang, 30 laporan polis telah dibuat, bilangan bubu yang rosak 2,109 dan anggaran kerugian sebanyak RM600,242.00.

Maksudnya, ini adalah satu kesan yang besar kepada nelayan-nelayan di Kuala Pahang ini. Ni saya cerita, kita khusus Kuala Pahang dulu dari segi statistik. Cuma yang... saya tidak menyangkal APMM dah mengambil tindakan, tetapi saya rasa melalui peranan yang Kerajaan Negeri boleh buat untuk meminta jasa baik APMM untuk meningkatkan lagi rondaan itu kerana perkara ini kalau kita tidak banteras dia akan menjadi satu gejala sosial yang tidak sihat. Bukan masalah di kawasan saya sahaja, di kawasan lain pun. Jadi saya mintaklah lagi sekali agar perkara ini dapat kita bangkitkan dengan pihak yang berwajib untuk membantu kitalah dalam segi soal ini. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan akan mengambil maklum daripada... cadangan daripada Ahli daripada Peramu Jaya. Suka saya ingin respon sedikit bahawa err... asas kepada punca masalah ini ialah saya fikir ya, saya fikir... ini pandangan peribadi saya berpunca daripada wujudnya err... nelayan tempatan yang mendapat lesen pukot yang menggunakan krew-krew asing dan kita tak boleh salahkan juga pengusaha-pengusaha tempatan kerana kita dapati nelayan-nelayan tempatan nampaknya tidak berminat untuk bekerja di laut dalam.

Jadi kita ada pemilik-pemilik bot pukot tunda yang rakyat Malaysia tapi krewnya kebanyakan daripada warga Vietnam. Jadi mungkin Kerajaan boleh saya dalam mesyuarat-mesyuarat tertentu akan mengutarakan supaya dipandang serius apa ni, dikaji semula pengwujudan pukot-pukot tunda. Yang ini pukot... ini masalah pukot tunda, yang jadi masalah yang lebih besar pukot tunda yang menggunakan ganding, bot ganding yang dia ada *special* pukot tu, dia ada *special* yang menyebabkan dasar di laut itu boleh merosakkan err... apa ni... rumah ikan ataupun kehidupan apa ni maritim di laut itu. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin err... sedikit penjelasan daripada pihak Kerajaan berkaitan dengan err... krew-krew nelayan asing ini sebenarnya apakah dasar yang ada oleh pihak Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan yang membenarkan pekerja-pekerja ataupun nelayan-nelayan asing ini diambil untuk err... terlibat dalam sektor perikanan kita ini dan yang menjadi punca antara seperti mana yang dinyatakan oleh Wakil Kerajaan tadi punca yang menjadikan pencerobohan nelayan-nelayan asing mungkin datang daripada krew-krew yang bekerja ini.

Jadi apakah dasar dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan, membendung perkara ini daripada berterusan berlaku?

YB. DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Sebab itu Kerajaan memikirkan telah ada kajian untuk mengkaji semula pukat apa ni... mengeluarkan lesen-lesen pukat tunda. Jadi kita nak mengelakkan perkara ini dan sebab itu pihak APMM semasa pemeriksaan, mereka juga ada buat pemeriksaan mengenai dokumen-dokumen pengenalan diri dibawah Akta Imigresen. Memang mereka dibenarkan pada peringkat awal, benda itu telah berlaku sekian lama dan sebab itu kita perlu mengkaji semula err... keadaan tersebut. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya ingin berkongsi kes yang sedang saya tengah *handle* err... kes Leong Ban Seng, nelayan ya, yang telah memasuki kawasan sempadan kelautan Indonesia yang telah ditangkap. Tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Indonesia adakah err... akan membomkan err... kapal dia? Adakah Malaysia akan ambil cara yang sama err... membomkan bot asing yang masuk ke kawasan kelautan Malaysia dan untuk ini apakah tindakan pihak Kerajaan boleh membantu Leong Ban Seng sebab dia kena saman 500 juta dalam Mahkamah errr... di Riau.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat.



YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Saya mintak Kerajaan lah, saya pun tak tau macam mana saya nak tolong dia. Dan ini hanya nak minta... soalan saya adalah minta Kerajaan ambil tindakan yang sama seperti negara Indonesia yang bom... membomkan bot asing yang memasuki ke kawasan Malaysia. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Kita negara berdaulat...

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Tuan Yang di-Pertua...

YB. DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Jadi kita ada aturan dan peraturan untuk menentukan segala-galanya dan kita ada hubungan negara err... saya tak tahulah kot Kerajaan Pembangkang nanti dia boleh bomkan terus semua orang termasuklah bot-bot ni. Saya tak tahu tapi err... Insya-Allah saya akan buat jawapan bertulislah tentang perkara ini. Err... itu sahaja, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Pulau Manis ada apa?

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Err... saya nak bertanya kepada pihak Teruntum tadi, 500 juta tu, 500 juta rupiah ke?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Ya betul, 500 jut... err... rupiah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Lumayanlah. Terima kasih Yang Berhormat, kita pergi ke soalan berikutnya minta Wakil dari Jengka.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya nombor tujuh.

[Apakah kaedah dan jaminan FGV terus memberi sumbangan kepada peneroka termasuk kewangan, kebajikan, CSR dan urusniaga, walaupun selepas penstrukturan antara entiti FELDA dan FGV diumumkan.]

YB. DATO' ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Jengka. Setakat ini tiada sebarang perbincangan mengenai penstrukturan antara FELDA dengan FGV. FGV masih komited dalam



perancangan masa depannya untuk menjadikan salah sebuah syarikat perladangan yang terbesar di dunia. FGV telah memperuntukkan 2% daripada keuntungannya setiap tahun untuk aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang disalurkan kepada Yayasan FELDA.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Pengerusi Yayasan FELDA telah ditukar baru iaitu Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Manan Ismail, Ahli Parlimen Paya Besar. [Ahli Dewan menepuk meja]. Maknanya ADUN-ADUN yang ada kawasan FELDA bolehlah menulis surat untuk memohon sumbangan dan bantuan. Dana ini digunakan sebagai aktiviti CSR yang akan memberikan manfaat kepada masyarakat sekeliling khususnya peneroka FELDA.

Selain daripada itu juga, FGV menerusi anak syarikatnya turut menjalankan pelbagai aktiviti yang boleh memberikan manfaat secara langsung kepada peneroka dan masyarakat sekitar seperti kempen meningkatkan Buah Tandan Segar ataupun BTS, seminar meningkatkan hasil, perkongsian amalan perladangan terbaik dan kempen tanaman sampingan.

FGV juga giat menjalankan aktiviti lain seperti sumbangan kepada anak-anak yatim sekolah, persatuan, biasiswa pendidikan, zakat di setiap seluruh negeri. Dan pada 23 haribulan tujuh... Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan insentif peneroka 2017. Enam perkara telah pun dilancarkan untuk memberikan manfaat kepada warga FELDA keseluruhannya. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Semantan.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Saya nak bertanya beberapa perkara tentang FGV ini. Yang pertamanya, sejauh manakah pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pahang, dividen yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pahang hasil daripada pelaburan dengan saham FELDA, FGV tadi.

Yang keduanya apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kerugian atas nilai saham itu daripada RM4.50, sekarang berapa saham dia, apa langkah... dan apakah Kerajaan Negeri berkeyakinan ia punya potensi untuk naik kembali dan kalau begitu inilah masanya Kerajaan Negeri beli lagi tambah saham lipat ganda kalau betul untung, tapi kalau rugi jangan sesekali. Sekian, terima kasih.



YB. DATO' ABU BAKAR BIN HAJI HARUN

Dari segi jumlah angka tu saya tak dapat untuk nak bentangkan. Saya akan buat err... jawapan lisan... jawapan bertulis dan dari segi perancangan FGV dan FELDA juga dalam berusaha untuk memastikan segala perancangan itu dapat dilaksanakan untuk memastikan bahawa saham FGV ini akan mencapai satu tahap yang cukup baik. Kita tengah berbincang kaedah yang terbaik dan di mana anak-anak syarikat yang telah buat pelaburan, kita dah berbincang nak memastikan supaya mana syarikat-syarikat yang boleh berpontensi kita akan jual, yang tidak berpontensi kita akan jual, kerana kita tidak mahu menanggung risiko berhubung dengan permasalahan kerugian yang melanda. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

Ni ser... Dato' Sri, saya nak tambah lagi. Sejauh manakah keyakinan pihak FELDA, keyakinan ya... saham ni boleh meningkat, kalau kita ada keyakinan boleh meningkat, Kerajaan Negeri kena beli saham tambah kerana kita nak cover kerugian kita yang lepas. Ini masa lebih tinggi kita untung banyak, kita boleh lipat ganda keuntungan kita. Masa murah kita beli, masa mahal kita jual, ini perniagaan. Jadi kalau kita ada keyakinan... kalau kita yakin saham ini boleh naik sampai ke tahap RM4 lebih sama dulu, sekarang harga seringgit lebih, inilah masa Kerajaan Negeri beli, kita masih boleh dapat untung banyak...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat...

YB. TUAN HAJI SYED HAMID BIN SYED MOHAMED

...bila kita jual boleh cover kerugian lepas.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Err...Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menambah, membantu sahabat saya. Err... saham FELDA memang turun tapi FGV membayar dividen tidak ada masalah.

Jadi dari segi pelaburan kalau kita nak menambah angka pelaburan itu, bergantung kepada penilaian kita sendiri. Kita tak boleh tanya peniaga awak yakin ke awak untung? Peniaga akan jawab saya untung. Dari segi analisa, kita mestilah berpanduan kepada kriteria yang kita nak lihat daripada segi aspek atau prospektus saham itu sendiri.

Jadi dalam bentuk FGV ini, dividen dibayar kepada pemegang saham, tidak ada masalah 6%, 7% dan saya percaya FGV juga akan err... mula mengorak langkah mengaut keuntungan setelah hasil ladang-ladang mereka err... dapat mengeluarkan hasil dengan baik kerana FGV mempunyai ladang yang berkeluasan 1.3 juta ekar yang sedang dalam proses tanaman semula dan insya-Allah selepas ini err... mereka akan mengeluarkan hasil dan akan membantu memberikan mudah tunai kepada pihak FGV, tidak ada masalah...



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat, ya...

YB. DATO' SRI WAN AMIZAN BIN WAN ABDUL RAZAK

Kalau Wakil daripada Semantan rasa seronok nak beli, tambah lagi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Yang Berhormat, baiklah kita pergi kepada soalan berikutnya saya jemput Wakil dari Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin kemukakan soalan lapan.

[Sila senaraikan program KOSPEN di DUN Triang dan kumpulan sukarelawan yang terlibat.]

YB. DATO' NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Triang tanyakan soalan berkaitan dengan program KOSPEN di DUN Triang. Untuk makluman sidang Dewan yang dimulakan, KOSPEN merupakan satu pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan bagi membentuk satu budaya masyarakat yang sihat untuk mengatasi masalah-masalah kesihatan yang berkaitan dengan penyakit-penyakit tidak berjangkit ataupun *non communicable disease*. Inisiatif ini diambil oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2013 dengan kerjasama beberapa kementerian yang lain pada ketika itu iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Merujuk kepada soalan wakil daripada Triang yang mahukan program KOSPEN di Triang disenaraikan dan kumpulan sukarelawan yang terbabit. Terdapat 3 buah lokaliti KOSPEN di bawah DUN Triang iaitu KOSPEN Kampung Sri Buntar, KOSPEN Taman Kerayong Makmur dan KOSPEN Taman Merbau Indah. Untuk menyenaraikan sukarelawan-sukarelawan terbabit itu saya fikir senarainya terlalu panjang, ringkasnya Kampung Sri Buntar, KOSPEN ditubuhkan pada tahun 2014 dengan 15 orang sukarelawan. Seterusnya pada tahun 2015, ditubuhkan pula KOSPEN bagi Taman Kerayong Makmur dengan keanggotaan 14 orang sukarelawan dan pada tahun lalu 2016, Taman Merbau Indah pula diwujudkan KOSPEN dengan sukarelawan seramai 16 orang. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan. Jadi adakah Kerajaan merancang untuk terus menambahkan lokaliti di DUN Triang dan apakah program yang telah dianjurkan setakat ini? Terima kasih.



YB. DATO' NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Sememangnya Kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebanyak mungkin KOSPEN err... dengan meningkatkan KOSPEN di lokaliti-lokaliti berasaskan kampung ataupun taman-taman perumahan.

Antara aktiviti yang dijalankan di bawah err... KOSPEN ini adalah contohnya saringan kesihatan, saringan tabiat merokok, err... aktiviti-aktiviti fizikal secara terjadual dan aktiviti-aktiviti lain khususnya kempen-kempen bagi err... premis jualan rokok yang bebas asap rokok dan rumah-rumah yang err... mengisytiharkan mereka rumah bebas asap rokok.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Yang Berhormat, kita pergi kepada soalan berikut, jemput Wakil daripada Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor sembilan. Terima kasih.

[Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan jabatan yang memberi bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik dan golongan yang memerlukan.

- (a) Berapakah jenis pusat perlindungan sedia ada yang terdapat di bawah naungan JKM di seluruh Pahang?
- (b) Berapakah jumlah pekerja bagi membantu pusat perlindungan yang terdapat di negeri Pahang dan yang menerima insentif pada tahun 2014 sehingga 30 Jun 2017 seperti berikut:
 - i. Bayaran gaji pekerja
 - ii. Perkeso
 - iii. KWSP
 - iv. Bonus
 - v. Lain-lain
- (c) Berapakah peruntukan yang telah dibayar kepada Golongan Kurang Upaya (OKU) di seluruh Pahang bermula pada tahun 2014 sehingga 30 Jun 2017? Sila kemukakan peruntukan yang telah diberi mengikut kaum.
- (d) Berapakah jumlah permohonan yang telah ditolak oleh JKM pada tahun 2015 sehingga 30 Jun 2017? Dan apakah sebab utama permohonan ditolak? Sila kemukakan senarai permohonan yang telah ditolak mengikut kaum.
- (e) Difahamkan permohonan Ibu Tunggal masih tidak dapat peruntukan atas sebab-sebab tertentu.



- i. Adakah pihak kerajaan bercadang mengadakan jabatan khas untuk menyemak semula permohonan yang telah ditolak?
- Cadangan saya,
 - i. Bagi ibu tunggal yang tidak berkahwin semula dan mempunyai anak perlu diberi peruntukan bantuan secara berterusan manakala bagi ibu tunggal yang sudah berkahwin semula maka secara langsung peruntukan bantuan ditarik semula.
 - ii. Bagi ibu tunggal yang mempunyai anak OKU, maka ibu tunggal tersebut perlu diberi peruntukan sebanyak RM1,000.00 sebulan atas sebab tidak boleh bekerja kerana menjaga anak OKU.]

YB. DATO' HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan panjang lebar daripada Teruntum, err... Jabatan Kebajikan Masyarakat err... mempunyai setakat ini err... mengikut kategori rumah perlindungan iaitu rumah kanak-kanak sebanyak 2 buah. Err... untuk kumpulan sasar Orang Kurang Upaya ataupun OKU, Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) sebanyak 51 buah dan untuk kumpulan sasar Gelandangan, kita mempunyai satu institusi iaitu Institusi Desa Bina Diri err... di Jerantut.

Untuk bilangan kakitangan dan petugas di institusi-institusi tersebut, pada tahun 2017 ini di rumah kanak-kanak, di kedua-dua buah rumah kanak-kanak itu, kita mempunyai 88 orang petugas, di Desa Bina Diri ada 89 dan di PDK, kita mempunyai 266 orang.

Berkenaan dengan insentif kakitangan dan petugas, untuk bayaran gaji pekerja di rumah kanak-kanak, kita memperuntukkan RM6,667,686.89 sen, err... KWSP yang dibayar RM116,275.02, bonus dan Bantuan Khas keraj... Kewangan sebanyak RM284,636.00. Untuk Desa Bina Diri, bayaran gaji diperuntukkan ialah RM5,452,139.38. Untuk Pusat Pemulihan Dalam Komuniti ataupun PDK, mereka ini adalah sukarelawan kontrak dan bukannya penjawat awam dan mereka diberi suguhati sebanyak RM6,232,800.00.

Untuk soalan (c), soalan ketiga, peruntukan bantuan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di seluruh negeri Pahang dari tahun 2014 hingga Jun 2017. Untuk OKU daripada kaum Melayu telah diperuntukkan sejumlah RM34,349,050.00. Untuk kaum Cina RM9,215,650.00. Untuk kaum India RM4,440,000.00 dan lain-lain RM2,507,150.00 dan jumlah permohonan kes bantuan yang ditolak oleh JKM di seluruh negeri Pahang dari tahun 2014 hingga 30 Jun 2017. Untuk kaum Melayu sejumlah 3,918 kes, untuk kaum Cina 1,515 kes, kaum India 1,304 kes dan lain-lain 196 menjadikan jumlah yang ditolak ialah 6,933.

Sebab-sebab utama permohonan ditolak adalah disebabkan oleh faktor pemohon bukan warganegara, pendapatan pemohon dan isi rumah melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pemohon terdiri daripada golongan yang berkemampuan serta tidak berkeperluan berdasarkan kepada hasil siasatan yang dijalankan oleh pihak jabatan.



Setakat ini pihak Kerajaan untuk soalan ketiga berkenaan... soalan yang kelima... maaf, untuk berkenaan dengan ibu tunggal, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan jabatan khas. Walau bagaimanapun, para ibu tunggal ini diberi bantuan secara tidak langsung melalui bantuan kepada anak-anak mereka iaitu bantuan kanak-kanak dan juga bantuan am daripada kerajaan. Ibu tunggal ini juga dilatih untuk mereka err... berdikari menjalankan kehidupan mereka oleh Jabatan Pembangunan Wanita melalui pelbagai latihan-latihan yang diberikan dan juga bantuan-bantuan untuk mereka memulakan perniagaan turut diberi oleh pelbagai agensi yang lain. Terima kasih.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan. Minggu lepas ada satu keluarga err... suaminya telah mengakibatkan *accident* dan telah meninggalkan dunia dan mempunyai 5 orang anak, umur 15, 12, 10, 5 dan umur 3. Dalam keadaan macam ni, macam mana Kerajaan tak bagi bantu. Ini yang... ini yang saya tak faham. Sebab teringat ibu tunggal, umur 41, nama dia Wong Siew Yin. Kalau err... Wakil dari Kerajaan nak... nak pergi tempat rumah dia, saya boleh bawa. Terima kasih.

YB. DATO' HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Saya ucapkan terima kasih kepada keprihatinan Wakil dari Teruntum. Ni baru seminggu kan? Baru seminggu?

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Ya.

YB. DATO' HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Jadi saya rasa tidak adil kalau Wakil daripada Teruntum mengatakan Kerajaan tidak prihatin, tidak membantu. Saya minta maklumat-maklumat terperinci tentang keluarga tersebut diberikan dan kita akan minta jabatan berkenaan untuk siasat dan memberikan bantuan yang sewajarnya. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Semambu... Semambu.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua,

Dalam ucapan menjunjung kasih Titah DiRaja lepas, saya telah mencadangkan supaya err... PGK ataupun Pendapatan Garis Kemiskinan untuk Pahang dinaikkan daripada RM990.00 kepada RM1,500.00 memandangkan inflasi dan juga keadaan ekonomi yang makin mencabar.

Jadi saya ingin bertanya sekali lagi di sini bahawa adakah Kerajaan Pahang bercadang untuk meningkatkan PGK kita di Pahang?



YB. DATO' HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Menjawab Wakil daripada Semambu err... kita masih dalam kajian sama ada ianya sesuai untuk dinaikkan ataupun tidak. Terima kasih.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dato' Yang di-Pertua Pengerusi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Padang Tengku. Ya.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Ya, saya ingin merujuk tentang persoalan OKU dan soalan saya ini sebenarnya berkaitan dengan isu yang dilontarkan kepada saya dan JKM dan Jabatan Kesihatan terlibat iaitu tentang bayaran yang dikenakan sebanyak RM100.00 kepada OKU-OKU yang ingin memperbaharui apa nama ni... status ataupun kad OKU tu dan juga yang ingin mendapat apa nama, kad yang baru.

Jadi saya kira ni... dulu tak ada bayaran, tak ada... tak ada bayaran Dato' Sri Yang di-Pertua, tapi sekarang ini ada bayaran dan ini menimbulkan satu persoalanlah. Jadi saya nak minta pihak Kerajaan mengkaji balik perkara ini dan mungkin menanggungkan atau apa-apalah tindakan yang bersesuaian bagi kita meringankan beban apa nama, OKU yang memang Kerajaan amat prihatin tentang perkara ini. Terima kasih.

YB. DATO' HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Terima kasih kepada pandangan dan saranan daripada Padang Tengku yang kita akan sampaikan kepada pihak Kementerian tapi untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan, sebenarnya caj yang dikenakan bukanlah caj tahunan. Hanya untuk memperbaharui, saya percaya kehilangan kad dan sebagainya dan bila dia memang memperoleh kad, dia tidak perlu diperbaharui setiap tahun. Jadi... tapi caj yang dikenakan adalah untuk caj teknikal, saya kira untuk pentadbiran.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YB. DATO' NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua, mohon untuk saya...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya...ya, Triang duduk dulu. Bagi pihak kerajaan nak menjawab, sila.

YB. DATO' NOROL AZALI BIN SULAIMAN

... bagi Wakil Kerajaan memberi penjelasan berkaitan dengan caj yang dikenakan untuk pemeriksaan OKU. Sebenarnya caj ini bukanlah caj yang baru, ianya termaktub di dalam err... Akta Caj-caj Perkhidmatan Kesihatan. Mungkin perkara ini baru disedari



ataupun mungkin sesetengah apa pusat kesihatan tu baru menguatkuasakan. Jadi nanti insya-Allah pihak kerajaan akan memberikan jawapan secara bertulis.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Hah, Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut jawapan yang diberikan Kerajaan tadi, antara sebab utama permohonan ditolak adalah kerana pemohon bukan warganegara. Jadi soalan saya adalah, apakah pendekatan lain Kerajaan untuk memberi bantuan kepada keluarga yang suaminya warganegara meninggal dunia, tinggalkan anak-anak kerja, anak-anak kecil warganegara dan isteri warga asing. Apabila mengemukakan permohonan anak-anak kecil belum cukup umur dan isteri warga asing tidak layak untuk membuat permohonan.

YB. DATO' HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Saya nak tanya kepada Wakil Triang. Adakah kes yang berlaku di negeri Pahang yang berkait dengan warga asing dan sebenarnya bukan tanggungjawab Kerajaan untuk kita menjaga kebajikan warga asing kerana mereka ini mempunyai Kedutaan mereka sendiri.

Walau bagaimanapun, kita akan menyalurkan juga bantuan melalui NGO-NGO yang ada kerana untuk makluman Wakil daripada Triang, Kerajaan juga memberi Geran Persekutuan kepada NGO-NGO kebajikan yang ada dan untuk negeri Pahang sahaja, kita mempunyai lebih daripada err... saya rasa lebih daripada lima NGO yang diberikan Geran Bantuan Persekutuan oleh Kerajaan dan jumlahnya boleh saya maklumkan selepas inilah sebab saya tak ada *detail*nya sekarang dengan saya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan. Persoalan adalah anak-anak kecil ini, mereka warganegara dan mereka cuma ada ibu yang menjaga mereka walaupun ibu dia bukan warganegara.

YB. DATO' HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Okay. Saya tadi ingatkan Wakil daripada Triang mengatakan keseluruhannya bukan warganegara. Maknanya anak ni warganegara, maknanya suaminya warganegaralah dulu. Dalam kes sedemikian boleh dan err... boleh dibuat permohonan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kita akan menyiasat. Sekiranya sesuai untuk diberi bantuan, boleh diberi bantuan. Saya juga nak mengatakan bahawa mungkin penolakan permohonan ini kalau kali pertama siasatan ditolak tak semestinya dia tidak boleh diberi bantuan, boleh dibuat rayuan dan siasatan semula akan dibuat dan sekiranya bersesuaian akan diberikan bantuan yang wajar.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita bercadang untuk pergi kepada soalan berikut. Saya jemput Wakil dari Jengka.

YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengemukakan soalan nombor sepuluh.

[Mohon kerajaan menjelaskan fatwa dan peraturan meluluskan pusat penyembelihan haiwan secara komersial. Berapakah bilangan Pusat Penyembelihan yang mendapat sijil halal?]

YB. DATO' SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada sahabat saya daripada Jengka yang bertanya tentang peraturan meluluskan pusat penyembelihan serta menjelaskan fatwanya.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan kelulusan tempat ataupun pusat penyembelihan err... tidak ada kaitan dengan fatwa tetapi sebaliknya dia di bawah perkhidmatan Jabatan Veterinar dan tertakluk kepada Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993. Walau bagaimanapun, pusat-pusat penyembelihan layak untuk memohon sijil halal daripada Jabatan Agama Islam Pahang.

Seandainya mereka memohon, jabatan akan memastikan jika sekiranya pusat penyembelihan itu mengikut cara penyembelihan yang ditetapkan oleh cara Islam seperti syarat-syarat menyembelih, syarat orang yang menyembelih, syarat alat penyembelihan dan juga syarat-syarat benda yang nak disembelih iaitu binatang. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan sepuluh pertanyaan-pertanyaan dan jawapan yang telah diberikan. Saya tidak bercadang untuk menangguhkan, menempohkan sidang ini. Oleh kerana kita mempunyai beberapa aturan sahaja untuk kita selesaikan sebelah pagi ini. Sekarang kita berpindah kepada aturan mesyuarat yang seterusnya. Silakan Setiausaha.



KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANGKAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat: Kertas-kertas yang dibentangkan.

Bilangan 5 Tahun 2017

Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2017) 2017

Bilangan 6 Tahun 2017

Rang Undang-undang Lambang, Gelaran atau Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Pahang 2017

Bilangan 7 Tahun 2017

Memorandum Perbendaharaan Tambahan Pertama Bagi Belanja Mengurus Negeri Pahang Tahun 2017

Bilangan 8 Tahun 2017

Memorandum Perbendaharaan Tambahan Pertama Bagi Belanja Pembangunan dan Perbekalan Air 2017

Bilangan 9 Tahun 2017

Laporan dan Penyata Kewangan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang Berakhir 31 Disember 2014

Bilangan 10 Tahun 2017

Laporan dan Penyata Kewangan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang Berakhir 31 Disember 2015

Bilangan 11 Tahun 2017

Penyata Kewangan Majlis Sukan Pahang Berakhir 31 Disember 2016

RANG UNDANG-UNDANG

Perkara Kelima : Rang Undang-Undang

Perkara Kelima (i) Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2017) 2017.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2017) 2017.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul itu.



SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2017) 2017, dibaca bagi kali yang kedua.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 44 Bahagian Dua Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang menyatakan bahawa jika wang diperuntukkan oleh Undang-undang Perbekalan tidak mencukupi atau terdapat lebih perbelanjaan bagi apa-apa maksud di mana-mana tahun kewangan, ianya hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Negeri dan kepala-kepala perbelanjaan tersebut hendaklah dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan.

Di samping itu, Seksyen 11(3) Akta Prosedur Kewangan membolehkan Menteri Besar membuat pendahuluan dari Kumpulan Wang Disatukan untuk menampung keperluan tersebut.

Jumlah wang yang dipohon untuk perbelanjaan tambahan pertama bagi tahun kewangan 2017 ialah sebanyak Tujuh Juta Empat Ratus Enam Puluh Empat Ribu Satu Ratus Ringgit sahaja.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Maklumat penuh bagi tujuan tambahan ini adalah dinyatakan di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan dalam Persidangan Dewan ini sebagai Kertas Bilangan 7 Tahun 2017. Saya berharap Ahli-ahli Dewan kalau takda benda lain nak dibaca, tolonglah baca kertas berkenaan satu persatu



Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sekian sahaja penerangan ringkas saya berhubung Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1/2017) 2017 ini dan berharap Rang Undang-undang yang saya bentangkan ini mendapat sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan seterusnya diluluskan. Terima kasih.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalah di hadapan Majlis ialah

“Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu.”

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas.

Tiada. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dan yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu.

DALAM JAWATANKUASA

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]



SETIAUSAHA

Jadual B01.

Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

YB. Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Kepala Bekalan B01 – Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dibuka untuk dibahas.

Tiada perbahasan.

Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,429,990.00 untuk Kepala B01 – Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

Ahli-Ahli Dewan

Setuju.

YB. Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B01 – Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Jadual B02.

Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

YB. Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Kepala Bekalan B02 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri dibuka untuk dibahas.

Tiada.

Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,910,980.00 untuk Kepala B02 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

Ahli-Ahli Dewan

Setuju.

YB. Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B02 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.



SETIAUSAHA

Jadual B29
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri.

YB. Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,
Kepala Bekalan B29 – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dibuka untuk dibahas.

Tiada.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM123,130.00 untuk Kepala B29 – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B29 – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA

Fasal 2 (1);
Fasal 2 (2);
dan Fasal 1.

YB. Pengerusi

Fasal 2 (1);
Fasal 2 (2);
dan Fasal 1;
Menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

Dengan ini saya mohon Ahli Yang Berhormat membuat cadangan.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong Usul itu.



YB. Pengerusi

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1/2017) 2017 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

Ahli-Ahli Dewan

Setuju.

YB. Pengerusi

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

BACAAN KALI KETIGA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2017) 2017, dibaca bagi kali yang ketiga.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon memaklumkan bahawa:

“Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud tertentu”,

telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1/2017) 2017 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

Ahli-Ahli Dewan

Setuju.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2017) 2017.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kelima (ii):

Rang Undang-Undang Lambang, Gelaran atau Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Pahang 2017.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Lambang, Gelaran atau Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Pahang 2017.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi mencegah penggunaan tidak wajar lambang yang ditetapkan, gelaran atau anugerah yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon Rang Undang-Undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.



BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Lambang, Gelaran atau Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Pahang 2017 dibaca bagi kali yang kedua.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan "Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi mencegah penggunaan tidak wajar lambang yang ditetapkan, gelaran atau anugerah yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.", dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan ini perlu, ialah untuk mengelakkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mendatangkan pencemaran dan juga mendatangkan nama yang buruk kepada darjah kebesaran yang telah dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang kepada mereka dan juga untuk mengelakkan salah guna terutama sekali lambang yang dilekatkan pada kereta.

Kita dapat lihat kebanyakan kereta sekarang ini diletakkan berbagai-bagai lambang. Kalau lambang persatuan belia, persatuan apa sebagainya tidak mengapa tetapi yang berkaitan dengan kedaulatan dan kemuliaan Institusi Diraja itu sendiri. Ini menyebabkan kita mengambil tindakan untuk mengadakan pencegahan dan kita adakan Enakmen yang telah saya bentangkan tadi.

Kita dapat lihat bagaimana kadang-kadang dilekatkan pada kereta itu lambang-lambang tertentu dengan warna kuning sebagai, sedangkan ia tiada kaitan langsung dengan Institusi Diraja di negeri ini dan konon-kononnya untuk *to scare away*, dengan izin, pihak polis ataupun JPJ dari mengambil tindakan.

Oleh sebab itu dengan adanya Enakmen ini, kita berharap perkara salah guna lambang, salah guna darjah kebesaran sebagainya akan dapat kita elakkan dan kita boleh memelihara err... kemuliaan darjah kebesaran dan juga lambang yang telah dikurniakan kepada rakyat negeri Pahang ini. Itu sajalah yang dapat saya berikan penerangan mengenai Rang Undang-Undang ini. Terima kasih.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalah di hadapan Majlis ialah



“Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi mencegah penggunaan tidak wajar lambang yang ditetapkan, gelaran atau anugerah yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.”,

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Tiada. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Tak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi mencegah penggunaan tidak wajar lambang yang ditetapkan, gelaran atau anugerah yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

DALAM JAWATANKUASA

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

SETIAUSAHA

Fasal 1 hingga Fasal 2;
Fasal 3 hingga Fasal 6;
Fasal 7 hingga Fasal 11;
Dan Fasal 12 hingga Fasal 16.

YB. Pengerusi

Fasal 1 hingga Fasal 2;
Fasal 3 hingga Fasal 6;
Fasal 7 hingga Fasal 11;
Dan Fasal 12 hingga Fasal 16.

Dibuka untuk perbahasan sekarang. Ya, Beserah sila.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ya, terima kasih err... Pengerusi. Saya hanya ingin sedikit penjelasan, saya menyokong sangat err... Enakmen ataupun Rang Undang-undang yang dibentangkan ini terutama sekali untuk mencegah daripada err... penyalahgunaan yang boleh menjejaskan Institusi Diraja.



Cuma saya ingin sedikit penjelasan, adakah ianya juga tertakluk kepada err... penggunaan tidak wajar kepada kepala-kepala surat, lambang-lambang di err... kertas ataupun label-label err... dan sebagainya.

Adakah ianya juga tertakluk di bawah peruntukan yang dicadangkan ini kerana kita lihat juga ada banyak juga perkara-perkara yang err... penggunaan, penyalahgunaan err... surat ataupun label pejabat, projek dan sebagainya yang mencurigakan namun oleh kerana ada lambang-lambang tertentu maka ianya menjadi satu... satu perkara kemusykilan kepada masyarakat, namun tidak berani untuk nak menegur kerana ada lambang tersebut. Mohon sedikit penjelasan. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Ahli dari Beserah. Saya pernah membuat kenyataan dahulu kalau Ahli dari Beserah ini sebelah sini lah, kita lantik jadi EXCO lama dah. [Ahli Dewan ketawa]. Ahli daripada Beserah kata dia menyokong tapi tanyanya panjang sangat macam tak menyokong jer bunyinya.

Sebenarnya begini, dia meliputi apa yang disebutkan oleh Ahli dari Beserah tadi sebab banyak salah guna. Err... pengalaman sayalah, jika ada pertubuhan-pertubuhan tertentu yang ingin mengutip derma sebagai contoh menggunakan lambang negeri maka tulis kepada Menteri Besar.

Kalau Menteri Besar luluskan barulah. Inilah pula lagi kepada yang ada kaitan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan ia lagilah kita perlu jaga supaya ianya tidak mencemarkan nama baik. Ia termasuk surat menyurat, lambang-lambang dan sebagai. Semua sekali.

Tapi ada prosedur dia mungkin boleh minta kebenaran, minta perkenan sebagainya. Terima kasih.

YB. Pengerusi

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah:

Fasal 1 hingga Fasal 2;
Fasal 3 hingga Fasal 6;
Fasal 7 hingga Fasal 11;
Dan Fasal 12 hingga Fasal 16; menjadi sebahagian daripada Undang-Undang hendaklah disetujui.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ANDAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua... Yang Berhormat Tuan Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan, saya terlupa untuk makluman ingatan Ahli-ahli Dewan, bila cokmar diturun ke bawah, Dewan ini bermesyuarat sebagai Jawatankuasa. *Speaker* kena kita sebut atau kena *address* sebagai Tuan Pengerusi. Saya tadi saja buat silap untuk nak menunjukkan kepada Ahli-ahli Dewan. [Ahli Dewan menepuk meja]



Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Saya mohon menyokong Usul itu.

YB. PENERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Pahang 2017 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju kata setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. PENERUSI

Terima kasih, yang tidak bersetuju kata tidak. Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

BACAAN KALI KETIGA

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon memaklumkan bahawa

“Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi mencegah penggunaan tidak wajar lambang yang ditetapkan, gelaran atau anugerah yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.”,

telah ditimbangan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,



Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Lambang, Gelaran atau Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Pahang 2017 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju kata setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Terima kasih, yang tidak bersetuju kata tidak. Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Lambang, Gelaran atau Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Pahang 2017 bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

USUL

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keenam – Usul. Usul Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama Pembangunan Tahun 2017.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk membawa satu Usul di Dewan yang mulia ini yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini, mengikut syarat-syarat ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air, dengan ini bersetuju meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama 2017 daripada Kumpulan Wang tersebut itu sebagaimana yang ditetapkan di dalam Rang Anggaran Perbelanjaan Tambahan 2017 yang dibentangkan di dalam Persidangan ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2017".

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tambahan peruntukan yang dipohon adalah untuk Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri berjumlah RM4,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Juta sahaja) bagi menampung perbelanjaan pelaksanaan pertambahan projek khas yang memberi kesan langsung kepada rakyat.

Saya berharap Usul ini akan mendapat sokongan dan kelulusan Dewan yang mulia ini.



YB. DATO' WAN SALMAN BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul ini.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan disokong oleh Yang Berhormat ADUN Jengka. Dengan ini, saya akan membuka Usul ini untuk dibahas. Tiada. Soalannya sekarang ialah Usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapatkan kelulusan. Ahli-ahli yang bersetuju dengan Usul ini sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Ahli-ahli tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Usul tersebut diluluskan.

PENANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketujuh: **Penangguhan.**

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum saya membawa Usul supaya dewan ini ditangguhkan, sebagaimana biasa saya ingin memberikan sedikit sepatah dua kata kepada Dewan yang mulia ini dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Saya bagi pihak rakan-rakan ahli Kerajaan dan bagi pihak semua Ahli Dewan Undangan Negeri, saya percaya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana dapat mengendalikan Dewan ini dengan baik walaupun sekejap... sebentar. Kalau Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan tidak cekap walaupun setengah jam, mesyuarat mungkin kecoh tapi kalau Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua itu cekap, mungkin err... dua minggu pun mesyuarat tiada apa-apa dan hari ini kita bermesyuarat lebih kurang dalam anggaran err... dua jam dan err... telah dapat dijalankan semua urusan yang berkaitan dengan lancar.

Ini semua adalah kerana kebijaksanaan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua [Ahli Dewan menepuk meja] mengendalikan sidang Dewan. Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan juga kakitangan di semua peringkat yang err... menjadi Sekretariat Dewan kerana dapat membantu pihak Yang di-Pertua untuk mengendalikan sidang Dewan pada kali ini.

Yang tahu tarikh Pilihan Raya Umum Keempat Belas, Allah S.W.T. Bakal Perdana Menteri pun tak tahu lagi, percayalah cakap saya. Tetapi dari congak yang saya buat kita mungkin ada satu lagi sidang iaitu Bajet bulan err... November. Kalau inilah kali terakhir kita bersidang ucapan saya ini lain sedikit tetapi, oleh sebab saya



memandangkan ada lagi sidang Dewan maka ucapan ini biasa. Kalau lain pun bukan apa, saya nak mengatakan, kalau ucapan tu lain katalah ini sidang Dewan terakhir, saya nak menyatakan Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, sekurang-kurangnya kita semua sudah pun dapat memberikan khidmat bakti sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, kemudian err... pilihan raya sampai, belum menang nak kira dulu jadi calon atau tidak, bukan kira Barisan je, yang Pakatan Harapan pun sama juga. Sebelah sana tu belum tentu lagi jadi calon ataupun tidak, dia macam orang sebelah sini juga.

Jadi, walau apa-apa pun kita telah dapat menjalankan tugas kita sama ada kita dapat menjalankan tugas dengan baik atau tidak kita sendiri tahu. Kita boleh beritahu diri kita oh!... kalau diberi *grading*, aku mungkin dapat B atau mungkin A atau diberi *grading* mana yang tidak menjalankan tugas langsung tu aku mungkin E. Ni masing-masing, selain daripada Allah S.W.T yang akan menentukan dan juga rakyat yang akan err... menilai. Apa pun saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan sama ada barisan Kerajaan ataupun err... *back-bencher* penyokong Kerajaan dan juga Ahli-ahli Pembangkang sekalian. Apa yang penting ialah untuk kita semua semasa dalam kedudukan ini menjalankan tugas sebaik-baiknya untuk rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sekali lagi diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Lepas ni mungkin kita ada jamuan makan, lepas itu mungkin ada majlis santai-santai, ini kita aturlah kalau patut pukul 3, pukul 3. Kalau boleh awal daripada pukul 3, awal daripada pukul 3. Kalau terpaksa lewat sikit daripada pukul 3, lewatkan sikit daripada pukul 3. Jadi ini ikut kesesuaian dan itu semua akan menjadi bak kata err... kata-kata hikmat Tuan Yang di-Pertua, ni ada dua, pertama ikut kesesuaian dan satu lagi *game changer*. [Ahli Dewan ketawa].

Dalam *trip* yang terakhir dulu Yang Berhormat... Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri pun sebut dengan saya bahawa dalam kereta, ECRL ni adalah satu *game changer*. Jadi saya beritahu beliau, di Pahang ni yang selalu menggunakan perkataan *game changer* ialah *Speaker* Dewan Undangan Negeri Pahang [Ahli Dewan ketawa].

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri DiRaja Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan sidang ini, izinkan saya memberi beberapa perkat... memberi beberapa ucapan. Pertamanya, alhamdulillah syukur kehadiran Allah S.W.T selesailah sudah Mesyuarat Kedua Penggal Kelima kita kali ini dengan selamat, lancar dan teratur mengikut peraturan-peraturan yang ada.



Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, kumpulan Sekretariat yang telah memberikan kerjasama yang baik dan melancarkan lagi perjalanan Dewan kita hari ini. Sepertimana yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, kumpulan Sekretariat yang telah memberi kerjasama yang amat baik sepanjang Sidang Dewan bukan hari ini sahaja, adalah merupakan satu penghargaan yang tinggi bagi kami semua untuk terus berkhidmat dengan baik dan cemerlang.

Saya mengucapkan selamat pulang kepada Ahli Yang Berhormat selamat menjalankan tugas, selamat berkhidmat. Semoga rakyat akan terus gembira dan berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Semoga kita bertemu lagi di Sidang Dewan yang akan datang dan dengan ini saya menangguhkan Sidang Dewan Yang Mulia ini. Saya mohon Yang... Ahli-ahli Yang Berhormat membaca surah Al-Asr (bacaan dalam Bahasa Arab). Persidangan ditangguhkan. Terima kasih.

[Persidangan ditangguhkan jam 11.07 pagi]